



## DiGi sasar kuasai 33% pasaran remaja

PETALING JAYA 12 Ogos – DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) menyasarkan penguasaan pasaran sehingga 33 peratus dalam segmen remaja dalam masa terdekat menerusi perkhidmatan muzik mudah alih dan web *DiGi Music Unlimited*.

Ketua Bahagian Produk dan Pemasaran Segmen DiGi, Albern Murty berkata, buat masa ini, syarikat itu menguasai 27 peratus pasaran segmen remaja.

“DiGi merasakan segmen remaja sangat penting dalam mempengaruhi penguasaan pasaran bagi syarikat kerana mereka merupakan bahagian paling besar pengguna di negara ini.

“Kira-kira 50 peratus rakyat negara ini adalah remaja dan sasaran satu pertiga daripada jumlah ini merupakan matlamat kami,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan *DiGi Music Unlimited* di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut Ke-

tua Bahagian Pemasaran Segmen DiGi, Koay Chee Keong, Naib Presiden Kanan-ASEAN Universal Music Group International, Sandy Monteiro dan Pengarah Urusan Sony Music Entertainment Malaysia Sdn. Bhd., Andrian Lim.

Beliau berkata, DiGi memfokuskan muzik sebagai alat untuk meningkatkan pertumbuhan pasaran bagi golongan remaja kerana ia dilihat dekat dengan golongan tersebut.

Murty berkata, *DiGi Music Unlimited* menjadi medan kepada pelanggan DiGi merasai pengalaman sosial muzik holistik bagi merubah masa depan muzik di Malaysia.

“Dalam beberapa tahun ini kami telah melakukan beberapa pekaru yang melibatkan remaja dan ingin memberikan lebih lagi kepada mereka kerana muzik dilihat begitu rapat dengan golongan tersebut,” katanya.

*DiGi Unlimited Music* membolehkan pelanggan syarikat telekomunikasi itu

merasai pengalaman muat turun tanpa had serta tiada sebarang bayaran bagi melayari laman web tersebut.

Pelanggan juga boleh berkongsi senarai lagu dengan kawan mereka melalui sistem pesanan ringkas SMS, e-mel dan laman web jaringan sosial.

Katanya, pelanggan DiGi dapat merasai pengalaman muzik tersebut dengan bayaran RM5 sebulan dan mereka juga berpeluang ke konsert eksklusif serta konsert utama.

Tambahnya, sempena pelancaran *DiGi Unlimited Music* itu, pelanggan DiGi yang mendaftar sehingga November ini akan dikecualikan bayaran pada bulan pertama.

“Ia merupakan satu contoh yang tepat dalam menyampaikan penghargaan melalui muzik yang dapat dicapai melalui telefon mudah alih dan juga komputer peribadi dan ia hanya didapati di DiGi,” katanya.



SEORANG kakitangan DiGi menunjukkan banting Muzik Tanpa Had di majlis pelancaran di Petaling Jaya, semalam.